

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI

SOALAN : NO. 388

Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali [Gombak] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik kebolehpasaran pelajar-pelajar atau graduan TVET daripada politeknik, kolej vokasional, kolej komuniti dan lain-lain institusi pengajian tinggi .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan pada tahun 2016 yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, kadar kebolehpasaran graduan universiti awam adalah 77.3 peratus, *Malaysian Technical University Network* adalah 87.1 peratus, politeknik adalah 88.7 peratus, kolej komuniti adalah 97.2 peratus dan institusi pendidikan tinggi swasta pula adalah 72.8 peratus.